

BAB 4 Lakaran

Panduan RPH		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)	Halaman
Standard Kandungan (SK)	Standard Pembelajaran (SP)		
4.1 Lakaran Piktorial	4.1.1 Menyenaraikan peranan lakaran dalam reka bentuk 4.1.2 Mengenal pasti teknik lakaran piktorial	Soalan 1 Soalan 2 Soalan 3	TP 1 48 – 49
BBM	PAK-21	KBAT	
Kad kecil atau kertas kosong	<i>Find the Fib</i>	Mengaplikasi	
EMK	i-THINK	Nilai Murni	
Bahasa	–	Bekerjasama	

Cadangan PdPc

1. Guru menerangkan peranan lakaran dalam reka bentuk kepada murid.
2. Guru membahagikan murid kepada beberapa kumpulan.
3. Setiap kumpulan akan menerima kad kosong dan perlu menulis tiga penerangan tentang sesuatu peranan lakaran dalam reka bentuk yang dipelajari.
4. Dua daripada penerangan tersebut adalah betul dan satu adalah salah.
5. Secara bergilir-gilir, setiap kumpulan akan mempamerkan penerangan mereka dan kumpulan lain perlu meneka pernyataan mana yang salah.
6. Murid menjawab Soalan 1 – 3 dalam buku POWER UP RBT halaman 48 – 49.

Panduan RPH		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)	Halaman
Standard Kandungan (SK)	Standard Pembelajaran (SP)		
4.1 Lakaran Piktorial	4.1.2 Mengenal pasti teknik lakaran piktorial	Soalan 4	TP 2 49
BBM	PAK-21	KBAT	
Mini papan putih dan pen penanda	<i>Showdown</i>	Menganalisis	
EMK	i-THINK	Nilai Murni	
–	–	Bekerjasama	

Cadangan PdPc

1. Guru menerangkan kepada murid tentang teknik lakaran piktorial.
2. Guru membahagikan kelas kepada beberapa kumpulan yang mempunyai empat orang ahli.
3. Setiap kumpulan akan diberi satu papan putih dan pen penanda.
4. Guru akan membacakan beberapa soalan atau menunjukkan gambar lakaran piktorial.
5. Murid diberi masa untuk menulis jawapan mereka di papan putih dan pada masa yang ditetapkan, setiap kumpulan perlu menunjukkan jawapan mereka secara serentak.
6. Setiap ahli membetulkan dan mengukuhkan jawapan rakan yang lain.
7. Murid menjawab Soalan 4 dalam buku POWER UP RBT halaman 49.

Panduan RPH		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
Standard Kandungan (SK)	Standard Pembelajaran (SP)			
4.1 Lakaran Piktorial	4.1.3 Menghasilkan lakaran asas produk dalam bentuk 3D berdasarkan 2D Buku Teks m.s 92	Soalan 5	TP 3	50
BBM	PAK-21	KBAT		
Kertas lukisan, pensel, lakaran 2D objek	Stretch to Sketch	Mencipta		
EMK	i-THINK	Nilai Murni		
Kreativiti dan inovasi	–	Bekerjasama		
Cadangan PdPc				
1. Guru menerangkan murid tentang lakaran 2D dan lakaran 3D. 2. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan setiap kumpulan dibekalkan dengan satu lakaran 2D sebuah objek. 3. Setiap kumpulan perlu menyediakan lakaran 3D objek itu dengan menggunakan teknik lakaran isometrik. 4. Hasil lakaran akan dipaparkan di hadapan kelas secara bergilir-gilir. 5. Guru dan murid dari kumpulan lain akan memberikan komen dan ucapan terhadap hasil lakaran itu. 6. Murid menjawab Soalan 3 dalam buku POWER UP RBT halaman 50.				
Panduan RPH		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
Standard Kandungan (SK)	Standard Pembelajaran (SP)			
4.1 Lakaran Piktorial	4.1.4 Memilih lakaran produk terbaik berdasarkan elemen reka bentuk Buku Teks m.s 93 – 95	Soalan 6	TP 4	51
BBM	PAK-21	KBAT		
Buku teks, kertas lukisan dan pensel	Design challenge	Menganalisis dan mencipta		
EMK	i-THINK	Nilai Murni		
Kreativiti dan inovasi	–	Bekerjasama		
Cadangan PdPc				
1. Guru akan menerangkan tentang cara pemilihan lakaran produk berdasarkan elemen reka bentuk. 2. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan setiap kumpulan mempunyai empat orang murid. 3. Setiap kumpulan dibekalkan dengan empat helai kertas lukisan dan empat batang pensel. 4. Guru akan menyenaraikan beberapa elemen reka bentuk yang perlu ada pada produk yang perlu dihasilkan. 5. Setiap pelajar perlu menghasilkan lakaran produk yang diperlukan dalam masa yang telah ditetapkan. 6. Setelah selesai, murid dalam kumpulan perlu membandingkan hasil lakaran mereka dan memilih satu lakaran terbaik dan yang paling menepati elemen reka bentuk yang telah dinyatakan sebelum ini. 7. Lakaran yang dipilih akan ditampal di hadapan kelas untuk dinilai semula dan undian akan dibuat bagi memilih lakaran terbaik antara kumpulan. 8. Murid menjawab Soalan 6 dalam buku POWER UP RBT halaman 51.				

Panduan RPH		Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
Standard Kandungan (SK)						
4.1	Lakaran Piktorial	4.1.5	Menilai maklumat yang ada pada lakaran yang dipilih	Buku Teks m.s 96	Soalan 8 TP 5	53
BBM		PAK-21		KBAT		
Buku teks, gambar lakaran beberapa produk dan kertas A4		Perbincangan		Menganalisis		
EMK		i-THINK		Nilai Murni		
Bahasa		–		Bekerjasama		
Cadangan PdPc						
1. Guru menerangkan cara menilai maklumat yang ada pada lakaran yang dipilih.						
2. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan setiap kumpulan akan menerima sekeping gambar lakaran produk bersama sekeping kertas A4.						
3. Dalam kumpulan, murid perlu berbincang dan menilai lakaran produk tersebut.						
4. Analisis lakaran perlu dicatatkan dalam kertas A4.						
5. Murid menjawab Soalan 8 dalam buku POWER UP RBT halaman 53.						
Panduan RPH		Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
Standard Kandungan (SK)						
4.1	Lakaran Piktorial	4.1.6	Mencadangkan penambahbaikan ke atas lakaran	Buku Teks m.s 97	Soalan 9 TP 6	54
BBM		PAK-21		KBAT		
Buku teks, <i>sticker note</i> , gambar lakaran produk, kertas sebak dan pen penanda		<i>Gallery walk</i>		Mencipta		
EMK		i-THINK		Nilai Murni		
Keusahawanan		–		Bekerjasama		
Cadangan PdPc						
1. Guru menerangkan cadangan penambahbaikan lakaran.						
2. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan setiap kumpulan dibekalkan dengan sehelai kertas sebak serta sekeping gambar lakaran produk.						
3. Setiap kumpulan perlu berbincang bagi menambah baik produk tersebut dan menghasilkan sebuah poster iklan bagi produk yang ditambahbaik.						
4. Setelah selesai, poster perlu ditampal di sekeliling dinding kelas dan dua orang ahli kumpulan perlu berada di hadapan poster sebagai penjual.						
5. Ahli lain akan berjalan melihat kesemua poster yang ada dan mendapatkan penerangan produk daripada penjual.						
6. Kemudian, murid akan melekatkan <i>sticker note</i> pada poster yang digemari dan memberikan komen serta ucapan.						
7. Murid menjawab Soalan 9 dalam buku POWER UP RBT halaman 54.						